

# Kertas Bil. 15/2016



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH  
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT  
KETIGA PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI SELANGOR  
YANG KETIGA BELAS  
PADA 30 OKTOBER, 2 – 6 NOVEMBER DAN  
11 – 13 NOVEMBER 2015**

---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN  
BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI  
DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN P.J. SENTRAL  
DEVELOPMENT SDN. BHD. (PJ SENTRAL)  
KERTAS BILANGAN 86/2015**

---

LAMPIRAN II

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN P.J. SENTRAL DEVELOPMENT SDN. BHD. (PJ SENTRAL) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 OKTOBER, 2-6 NOVEMBER DAN 11-13 NOVEMBER 2015

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan/ Tindakan MMKN (jika ada)
86	PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN P.J. SENTRAL DEVELOPMENT SDN. BHD. (PJ SENTRAL)	<p>7.1 Kerajaan Negeri dan PKNS masing-masing hendaklah menyelesaikan penyiasatan menyeluruh yang terhenti (tidak diteruskan) termasuk penyiasatan audit terhadap penjualan 8.054 ekar tanah di PJ Sentral pada harga RM 74.6 juta (tahun 2006) oleh PKNS itu sendiri serta pihak-pihak yang terlibat dalam pengendalian kes PJ Sentral.</p> <p>7.2 Jawatankuasa berpendapat terdapat kecuatan di kalangan kakitangan PKNS/PHSB dalam mengendalikan kes PJ Sentral. Oleh itu, Kerajaan Negeri hendaklah memastikan PKNS mengambil tindakan disiplin korporat terhadap kakitangan-kakitangan yang bertanggunjawab.</p> <p>7.3 Walaupun PKNS telah pun menandatangani perjanjian integriti (<i>Integrity Pact</i>), Jawatankuasa masih berpendapat terdapat keperluan untuk Kerajaan Negeri memastikan PKNS dan semua anak syarikatnya mempunyai dasar tadbir urus korporat (<i>corporate governance policy</i>) yang komprehensif dan menghayati amalan ketelusan/transparansi supaya kes PJ Sentral tidak diulangi lagi.</p> <p>7.4 Kerajaan Negeri hendaklah memastikan semua kakitangan PKNS dan anak-anak syarikatnya mengutamakan dasar tadbir urus korporat dan bukannya melaksanakan arahan daripada mana-mana pihak atasan tanpa sebarang penjelasan yang konkrit tanpa mempersoalkan. Perkara seperti PJ Sentral di mana tawaran besar dibuat tanpa kelulusan lembaga pengarah perlu dielakkan. Budaya seperti ini perlu diubah.</p>			Satu jawatankuasa audit bebas telah ditubuhkan.  PKNS telah mengambil langkah-langkah mengikut kepada pengesyoran yang dilaporkan oleh Jawatankuasa Audit Lanjutan Bebas.

LAMPIRAN II

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN P.J. SENTRAL DEVELOPMENT SDN. BHD. (PJ SENTRAL) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 OKTOBER, 2-6 NOVEMBER DAN 11-13 NOVEMBER 2015

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan/ Tindakan MMKN (jika ada)
		<p>7.5 Kerajaan Negeri hendaklah memastikan segala perjanjian yang ditandatangani memberikan pulangan yang baik kepada PKNS, terutamanya perjanjian yang melibatkan nilai yang tinggi seperti PJ Sentral.</p>			
		<p>7.6 Mulai sekarang, penasihat undang-undang PKNS perlu bertanggungjawab sepenuhnya untuk segala perjanjian yang melibatkan PKNS dengan pihak ketiga kerana penasihat undang-undang merupakan gate-keeper sesebuah organisasi seperti PKNS. Jika didapati penasihat undang-undang melepaskan tanggungjawab sebagai gate-keeper, maka penasihat undang-undang tersebut patut diambil tindakan keras terhadapnya.</p>			
		<p>7.7 Kerajaan Negeri hendaklah memastikan PKNS dan anak-anak syarikat yang lain membuat keputusan korporat untuk jangka masa panjang dan tidak ditukar dengan sewenang-sewenangnya seperti kes PJ Sentral bagi memastikan kesinambungan operasi (kecuali ada sebab yang konkrit yang melibatkan isu-isu penting).</p>			



YAB DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI,  
S.P.M.S., SM.S.,  
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR